

Memorandum

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)

11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel: 04-6533888
www.usm.my

No. Ruj. : USM.53/26

Tarikh : 9 November 2023

Kepada : Dekan/Pengarah/Ketua Jabatan/Penyelaras
Pusat Pengajian/Pusat/Institut/Jabatan/Unit
Kampus Induk

HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 66 TAHUN 2023

- PENGOPERASIAN PEJABAT DI KAMPUS INDUK SEPANJANG TEMPOH UPACARA KONVOKESYEN USM KE-61 (SIDANG 1 – SIDANG 13)

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Seperti yang YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/tuan/puan sedia maklum, **Upacara Konvokesyen USM ke-61 akan berlangsung dalam tempoh 21 hingga 27 November 2023 bertempat di Kampus Induk melibatkan Sidang 1 hingga Sidang 13.**

3. Upacara Konvokesyen USM ke-61 ini akan diadakan sebanyak dua (2) sesi pada setiap hari iaitu pada sebelah pagi dan petang. Sehubungan itu, bagi mengurangkan kesesakan lalu lintas serta melancarkan pergerakan trafik graduan dan tetamu graduan, maka kerjasama ketua-ketua jabatan Kampus Induk adalah dipohon bagi mengarahkan **staf masing-masing untuk bekerja dari rumah (WFH) sepanjang tempoh Upacara Konvokesyen ini berlangsung.** Arahan ini adalah dikecualikan kepada staf-staf yang bertugas di barisan hadapan dan staf-staf yang bertugas secara langsung dalam upacara konvokesyen.

4. Kerjasama semua ketua jabatan di Kampus Induk dalam memastikan perkara ini dilaksanakan adalah amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MOHD AZIZUDIN BIN MOHD SHARIFF)

Timbalan Pendaftar Kanan
Bahagian Sumber Manusia

s.k. Naib Canselor

Timbalan-Timbalan Naib Canselor

Pendaftar

Pengarah, Jabatan Keselamatan

Tel. : (6)04 653 6070/6071/6108 ; E-Mel : azizudin@usm.my ; Web : bsm.usm.my